

**Fokus Kepada Perkukuh Parti, Keutamaan MCA- Liow
Bernama
May 11, 2014**

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Keputusan MCA tidak bertanding dalam pilihan raya kecil parlimen Bukit Gelugor adalah kerana mahu memberi keutamaan memperkukuh parti, kata presidennya Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Beliau berkata keutamaan parti sekarang ialah memberi fokus terhadap pelbagai program transformasinya selepas prestasi MCA yang tidak memuaskan dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) tahun lepas.

"Kami perlu bangkit selepas kekalahan itu, malahan kami mempunyai agenda cukup penting untuk fokus kepada krisis perlembagaan yang dicetuskan PAS (untuk melaksana undang-undang hudud).

"Kami menghadapi banyak cabaran bagi mempertahankan perlembagaan persekutuan kita dan berkhidmat untuk rakyat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program 'Caring and Sharing 2014' anjuran Buddhist Maha Vihara Brickfields di sini hari Ahad.

Kerusi Bukit Gelugor kosong berikutan kematian penyandanginya Karpal Singh dalam kemalangan jalan raya pada 17 April.

Dalam pilihan raya itu, mendiang Karpal Singh mengalahkan calon MCA Teh Beng Yeam dari Barisan Nasional (BN) dengan majoriti 42,706 undi.

Terdahulu dalam ucapan pembukaan, Liow berkata perpaduan, kebersamaan dan kekuatan bersama merupakan syarat asas bagi kewujudan sebuah negara aman dan progresif.

"Dengan bersifat budiman, ia akan dapat merentasi segala sempadan - kaum, status agama dan membawa kepada sesuatu yang cukup berkuasa, seperti perpaduan," katanya.

Beliau berkata keprihatinan dalam masyarakat ialah perkongsian bila setiap orang bekerjasama untuk mencari jalan baru membantu mereka yang kurang bernasib baik.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037458>